

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1993/94

Oktober/November 1993

PLG 419 - Kaedah Mengajar Perdagangan dan Perakaunan II

Masa : [2 jam]

Jawab TIGA soalan sahaja. Soalan 1 MESTI dijawab.

1. a) Bincangkan pendekatan induktif dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Perdagangan dan Perakaunan. Kemukakan contoh-contoh yang sesuai. Kemukakan aktiviti-aktiviti yang harus dilaksanakan oleh guru Perdagangan dan Perakaunan dalam menjayakan pendekatan ini. Nyatakan juga prinsip-prinsip yang perlu dilaksanakan oleh guru.

[20 markah]

- b) Berdasarkan contoh daripada mata pelajaran Perdagangan/Perakaunan, bincangkan pelaksanaan pendekatan induktif dengan menggunakan Model Taba.

[20 markah]

2. Beberapa kajian telah dibuat mengenai kriteria-kriteria guru perdagangan dan perakaunan yang baik. Bincangkan kriteria-kriteria yang sepatutnya ada pada seseorang guru perdagangan dan perakaunan agar ianya menjadi seorang guru yang baik dan berkesan.

[30 markah]

...2/-

[PLG 419]

- 2 -

3. Sebagai seorang guru perdagangan dan perakaunan anda menitik beratkan kejayaan pelajar-pelajar anda serta terlaksananya pendidikan sepanjang hayat. Bincangkan aspek-aspek yang berkaitan dengan kemahiran belajar. Beri satu contoh yang jelas dan praktikal mengenai satu daripada aspek kemahiran belajar yang anda ketahui.

[30 markah]

4. Semasa melaksanakan pengajaran dan pembelajaran perdagangan dan perakaunan pengurusan bilik darjah adalah sesuatu yang penting. Bincangkan secara menyeluruh tentang pengurusan bilik darjah agar ianya sesuai dengan wawasan negara serta menjadikan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran perdagangan dan perakaunan lebih menarik dan berkesan.

[30 markah]

5. Selain daripada melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, guru-guru mata pelajaran perdagangan dan perakaunan juga terpaksa bertanggungjawab tentang pengurusan mata pelajaran ini. Bincangkan aspek-aspek yang berkaitan dengan pengurusan mata pelajaran perdagangan dan perakaunan di sekolah.

[30 markah]

- oooooooo -